



Edisi 2 | 2024 | Bilangan 48 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



MAIPk Bantu Perkasa

Pendidikan Awal
Kanak-Kanak Orang Asli Di
Rumah Baca Royal Belum

MAIPk Santuni Asnaf

Di Taiping Dan Kampong Gajah

MAIPk Salur Bantuan

Kepada Pelajar Sekolah Dan
Kebajikan Siswa IPT





**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

**PENGERUSI
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA**

**MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI
HAL EHWAL ISLAM MALAYSIA KE-72**

TARIKH: 18 SAFAR 1446 / 23 OGOS 2024 (JUMAAT)

JAM: 9.30 PAGI

TEMPAT: HOTEL MANDARIN ORIENTAL, KUALA LUMPUR.

'MEMBANGUN UMMAH DINAMIK; MENINGKAT SYIAR ISLAM'

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ahli-ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwat Agama Islam (MKI).

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat Nya jua, Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam ke-72 dapat diadakan pada hari Jumaat, hari yang memiliki kelebihan penghulu segala hari, dan buat julung kalinya Beta diamanahkan untuk mempengeruskannya.

2. Dizahirkan ucapan junjungan kasih kepada Majlis Raja-Raja atas kepercayaan mengamanahkan Beta tanggungjawab sebagai Pengerusi MKI. Mesyuarat MKI kali ke-72 merakamkan sembah junjungan kasih penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-haj, yang telah menyempurnakan amanah sebagai Pengerusi MKI, bermula 10 Mac 2022, berakhir 9 Mac 2024. Semoga segala masa yang diberikan serta

usaha, tenaga dan pemikiran Baginda sewaktu menyempurnakan amanah memimpin MKI, diterima sebagai amal makruf, dilimpahi Illahi ganjaran dunia – ganjaran akhirat.

3. Sejarah MKI bermula berikutan perkenan Majlis Raja-Raja dalam persidangan ke-81, pada 17 Oktober 1968, akan penubuhan sebuah badan penyelarasan, urusan hal ehwal agama Islam di seluruh Malaysia, bertujuan mengelakkan berlakunya perbezaan atau setidaktidaknya dapat mengurangkan perbezaan dan perselisihan dalam urusan hal ehwal agama Islam antara negeri di Malaysia.

4. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Barat ditubuhkan pada 1 Julai 1969; dijenamakan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 17 Jun 1971, susulan penyertaan Sabah dan Sarawak, MKI telah mencapai usia 55 tahun. Dalam tempoh tersebut para ulama dan umara telah menyusur denai – merintis jalan, secara tekun – secara gigih, mencantumkan fikiran – menggabungkan tenaga melakukan pelbagai usaha hingga MKI kini berakar kukuh – merendang dahan – merimbun subur. Sewajarnya, jasa bakti para ulama dan umara, dan setiap tenaga yang berada di sebalik kejayaan MKI, dikenangi dan dihargai. Ramai antara mereka merupakan wira tidak bernama - wira yang tidak didendangkan. Ramai pula yang telah kembali ke Rahmatullah. Semoga segala jasa murni dan khidmat bakti mereka, diterima oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala sebagai amal makruf, dikurniakan ganjaran dunia – ganjaran akhirat. Pada hari Jumaat yang barakah ini, sama-sama kita kenangi – sama-sama kita hargai, jasa dan khidmat mereka, dengan membacakan surah Al-Fatihah; memohon agar amal kita daripada bacaan tersebut diterima Illahi,

dan apa jua ganjaran daripadanya, disampaikan kepada roh-roh mereka yang telah berada di alam barzakh. Al-Fatihah.

5. MKI ialah badan syura untuk mengusahakan penyatuan yang lebih kukuh dalam urusan hal ehwal agama Islam; menegakkan konsep ulung 'kesatuan dalam kepelbagaian' (*unity in diversity*), seiring dengan kalam hikmah yang tertera di jata negara, 'BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU'. Syura bermaksud, perbincangan dalam kalangan ahli untuk mengambil pendapat bagi mencapai keputusan yang tepat.¹ Syura merupakan pendekatan pemerintahan yang dianjurkan oleh Islam kerana syura membolehkan pemerintah mencari penyelesaian dan mencapai keputusan yang melibatkan rakyat dalam semangat muafakat dan perundingan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam memperkenalkan dan mengamalkan konsep syura sewaktu melaksanakan pemerintahan dan dalam usaha membangunkan ummah dan membina tamadun.

6. Syura membolehkan berlakunya percambahan minda dan pertukaran pendapat, berlangsung dalam suasana tertib, sopan, profesional dan berdisiplin. Syura memberikan kelebihan dan kebaikan kepada masyarakat dan kepada pihak yang bertikai pendapat untuk mencari persefahaman dan rumusan secara rasional dalam semangat saling mendengar dan saling menghormati pendapat yang berlainan. Melalui syura, ahli-ahli berpeluang menghalusi isu, meningkatkan persefahaman, melontarkan idea, merungkaikan permasalahan dan merumuskan penyelesaian.

7. Sewajarnya ahli-ahli MKI menghayati dan mempelopori semangat syura, berusaha sebaik

mungkin menghargai elemen-elemen persamaan dan menjauhi sikap yang membesar-besarkan elemen-elemen perbezaan. Perlu diusahakan jambatan penghubung untuk mempertemukan pendirian dan tafsiran yang berbeza agar dapat dielakkan berlakunya pertelingkahan, apatah lagi pertelingkahan secara terbuka yang bersifat konfrontasi hingga boleh menjadi punca keretakan hubungan dan pada akhirnya mengakibatkan ummah berpecah.

Ahli-ahli MKI

8. Peruntukan khusus mengenai Islam yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, telah meletakkan agama Islam dilindungi secara perundangan dan berada di tempat istimewa di negara ini. Peruntukan tersebut memberikan identiti kepada negara dan membolehkan agama Islam berperanan dalam menentukan arah haluan begitu juga tata urus negara. Peruntukan yang memaktubkan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Pemerintah negeri sebagai Ketua Agama Islam, memberi jaminan dan menjamin perlindungan, agama Islam dan statusnya dalam negara tidak akan terjejas walau apa juga perubahan yang berlaku dalam kepimpinan politik susulan sesuatu keputusan pilihan raya.

9. Namun kemuliaan Islam tidak bergantung semata-mata kepada klausa-klausa yang termaktub dalam perlembagaan negara. Islam tidak wujud dalam vakum, Islam bukan sekadar percakapan dan retorik, slogan yang dilaungkan atau sepanduk yang dipaparkan. Islam bukan bahan untuk didagangkan secara berjanji – secara memberi harapan, dijanjikan atau dijadikan alat menghalalkan cara bagi mencapai tujuan duniawi. Islam wajib dibuktikan melalui kehidupan yang nyata,

melalui dukungan para penganutnya. Islam tidak akan dapat membuktikan relevansinya sehingga masyarakat Islam berjaya menjelmakannya dalam budaya hidup harian. Islam itu perlu dirasakan dan diperlihatkan melalui pengisian, perbuatan, pencapaian dan kejayaan penganutnya. Keagungan Islam perlu dicerminkan melalui sifat dan watak insaniah ummah, bukan pada apa yang diuar-uarkan, atau apa yang dimegahkan melalui kisah kehebatan tokoh-tokoh Islam zaman silam yang sudah menjadi sejarah.

10. Tidak siapa dapat diyakinkan melalui apa yang diuar-uarkan, jika yang diuar-uarkan sangat bercanggah dengan sifat dan watak yang menjadi bukti hidup yang sedang disaksikan oleh dunia pada hari ini; mengingatkan Beta kepada kisah seorang pelancong berketurunan *Scotish* di Kota London yang mengunjungi pameran '*Introduction to Islam*'. Seorang *da'ee* berkongsi dalam media sosial pengalaman interaksi beliau dengan pelancong tersebut. Apabila *da'ee* bertanya, sama ada beliau boleh membantu memperkenalkan Islam, pelancong tersebut menjawab, tidak perlu, kerana beliau tidak berminat dengan teori. Beliau memaklumkan, pernah bertugas di beberapa buah negara Islam, untuk tempoh yang panjang; beliau membaca banyak bahan tentang Islam. Beliau menyatakan Islam ialah agama yang indah lagi menarik, agama yang menganjur hubungan dengan pelbagai pihak, merangkumi umat Islam dan bukan Islam. Islam mengajar kaedah beribadah dengan Tuhan secara jelas, kaedah melayan ibu bapa, isteri, anak-anak, jiran tetangga, dan masyarakat secara keseluruhannya. Malangnya kata beliau, tingkah laku yang dipamerkan oleh ramai umat Islam adalah di sebalik apa yang dituntut. Beliau menyenaraikan sepuluh perkara

yang pada pemerhatiannya telah mencemarkan kesucian Islam, dilakukan oleh ramai pihak yang mendakwa beragama Islam.

- Pertama : Menipu, bersumpah palsu, mencuri,
- Kedua : Tidak menghormati masa,
- Ketiga : Memfitnah dan memperkecilkan sesama sendiri,
- Keempat : Bersifat perkauman
- Kelima : Mengumpul kekayaan dengan cara yang salah,
- Keenam : Tidak menghiraukan kebersihan,
- Ketujuh : Memuliakan yang kaya – menghina yang miskin,
- Kelapan : Menggunakan undang-undang secara selektif,
- Kesembilan : Manipulasi agama untuk kepentingan diri
- Kesepuluh : Kurang mendalami, kurang memahami dan kurang menghayati Islam, walaupun lahir dalam agama Islam, lalu menjadi pengikut yang buta.

11. Pelancong tersebut turut menyatakan banyak wang, tenaga dan masa digunakan oleh pelbagai organisasi untuk menganjurkan pameran kehebatan Islam, tetapi ulas beliau, pameran-pameran tersebut gagal membawa hasil yang diharapkan, selagi umat Islam tidak memahami kandungan dan tujuan sebenar al-Quran. Beliau menasihatkan agar umat Islam kembali kepada al-Quran yang sangat indah dan mengagumkan dan umat Islam wajib melaksanakan prinsip dan adab yang terkandung dalam al-Quran; dan apabila berjaya dilaksanakan, percayalah ramai pihak akan meminati dan mengikut Islam tanpa perlu menganjurkan sebarang pameran.

12. Pandangan yang disuarakan oleh seorang pelancong bukan Islam terhadap umat Islam ini, Beta pilih sebagai kandungan titah untuk diambil iktibar, dijadikan maklum balas berharga, dijadikan peringatan, diterima secara positif – secara konstruktif untuk menambah baik usaha-usaha meningkatkan syiar Islam dan membangunkan ummah. Nyatalah terdapat jurang besar yang dihadapi oleh masyarakat Islam ketika ini, antara bilangan penganut yang besar daripada segi angka, berbanding penganut yang benar-benar memahami, menghayati dan mengamalkan Islam. Realiti yang berlaku pada hari ini, memberikan gambaran bahawa masih ramai ummah yang belum menghayati roh Islam dalam erti kata sebenarnya. Oleh itu menjadi tugas besar kita yang diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai khalifah untuk bersifat berani memamah realiti dan tidak bersifat defensif yang akan menyebabkan umat Islam terus berada dalam budaya penafian; di sebaliknya kita hendaklah memberikan fokus kepada kandungan daripada rangka, mementingkan 'outcome' daripada 'output', mengutamakan kualiti berbanding kuantiti.

13. Kisah yang dipetik ini sewajibnya dijadikan pedoman, dijadikan kompas ketika merangka program agar dapat mengubah apa jua wabak yang ada dalam anatomi institusi Islam. Institusi yang diamanahkan untuk menguruskan hal ehwal Islam wajib memahami secara mendalam keperluan sebenar agar program yang diperkenalkan dapat memenuhi keperluan ummah dan tidak sekadar berbentuk luaran, ritual dan kosmetik. Umat Islam hendaklah berani belajar daripada kesilapan masa lalu, yang terlalu cenderung memilih jalan pintas untuk menyelesaikan masalah, kerana mahu mendapat kemenangan

segera. Terlalu kerap, penyelesaian diformulasikan untuk mendapatkan kemenangan segera, berkesudahan dengan kaedah penyelesaian yang tidak kukuh dasarnya, dan amat sementara sifatnya.

14. Sewajarnya kita mengambil iktibar, akan maksud ayat 82, surah Yasin, 'Sesungguhnya keadaan kekuasaan Allah apabila Dia menghendaki sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya, "Jadilah!" maka, jadilah sesuatu itu'.² Meski kekuasaan sedemikian, Allah Subhanahu Wata'ala memilih masa 22 tahun 22 bulan 22 hari, menurunkan melalui Jibrail Alaihissalam 6,236 ayat al-Quran, untuk disampaikan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam. Tidak ada kegopohan di pihak Allah Subhanahu Wata'ala, menurunkan wahyu demi wahyu agar manusia dapat benar-benar memahami dan menghayatinya. Oleh itu, Beta akan mengambil pendirian tidak akan bersifat terburu-buru, di sebaliknya akan mengamalkan pendekatan yang lebih teliti, menghalusi perkara dan kandungan kertas yang mahu dibincangkan dalam majlis syura ini. Jika keadaan memerlukan, ahli-ahli MKI hendaklah bersedia mengadakan mesyuarat yang lebih kerap. Urusetia MKI hendaklah mengadakan libat urus yang meluas dengan setiap pemegang taruh sebelum sesuatu dasar diperkenalkan dan hendaklah dilengkapi dengan pelan komunikasi yang berkesan lagi komprehensif demi mengelak daripada berlakunya keadaan rumah siap pahat berbunyi.

Ahli-ahli MKI

15. Kegemilangan Islam pada satu masa dahulu meninggalkan legasi dan idealisme tinggi. Kemajuan sesuatu bangsa tidak boleh bergantung pada legasi dan idealisme sematamata.

Naratif masa hadapan untuk merubah kualiti masyarakat Islam ke arah yang lebih progresif hendaklah dirintis dengan menyuburkan semangat dan naratif realis dan futuris. *Survival* umat Islam perlu dibina melalui pembinaan kekuatan minda dan menyuntik keyakinan untuk bersaing dan berlumba, bukan kaedah menakut-nakutkan ummah, sehingga ummah mempunyai prasangka – mempunyai prejudis, tidak selesa – merasakan diri sebagai makhluk asing (*alien*) apabila berada dalam persekitaran yang dihadihi atau dikelilingi oleh bukan Islam. Perbuatan menakut-nakutkan ummah samalah seperti budaya menakut-nakutkan anak-anak Melayu di kampung pada era pra dan pascamerdeka dengan cerita-cerita puntianak dan hantu kubur, hingga anak-anak tersebut dibunuh keberanian mereka, lalu menjadi penakut. Perbuatan menakut-nakutkan ummah secara keterlaluan, teramat merugikan, kerana ummah akan hilang keyakinan, dan ummah gentar untuk bersaing di pentas dunia yang lebih besar, apabila berada di luar kepompong kumpulan sendiri.

16. Kehebatan Islam hendaklah diserlahkan melalui budaya kerja, melalui kegiatan sosial, pencapaian ekonomi dan etika berpolitik. Masyarakat Islam hendaklah dengan segala daya dan kekuatan menolak sama sekali perlakuan yang boleh mencemarkan nama baik ummah serta kesucian Islam dengan tidak memberikan amanah atau menyerahkan tanggungjawab kepada kalangan yang berimej mungkar dan munafik, kalangan yang lemah moral dan rendah akhlakunya, kalangan yang terpalit dengan rasuah dan salah guna kuasa serta kalangan yang tidak amanah dan tidak ikhlas.

17. Imej Islam dan gambaran masyarakat dunia terhadap Islam

dipengaruhi oleh tahap pencapaian dan status kejayaan umat Islam. Islam akan lebih dihormati, dan Islam akan terus dimuliakan, jika majoriti penganut Islam terdiri daripada ummah yang memperlihatkan prestasi pencapaian yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Islam jangan dibiarkan kelihatan bagaikan warna yang suram, serta nama yang lompong tanpa pengisian bermakna. Ummah bertanggungjawab mewarnakan Islam yang bergemerlapan dan mengisi Islam dengan kandungan yang meyakinkan. Kejayaan meningkatkan syiar Islam sangat bergantung pada tahap kejayaan ummah. Oleh itu usaha dan program pembangunan insan sewajarnya diberikan fokus. Jika keagungan Islam mahu dijulung, jika martabat bangsa mahu didarjatkan, usaha untuk memperkayakan generasi muda dengan ilmu wajib diberikan tumpuan melalui persepakatan gerakan yang tersusun lagi strategik, diselaraskan, diintegrasikan dan digabungkan.

18. Semoga MKI berperanan secara berkesan sebagai sebuah badan syura menghasilkan ramuan dan kaedah baharu, menganjak minda ummah, keluar daripada kotak pemikiran sempit, dimerdekakan dari kepompong pemikiran jumud, bersedia melakukan penghijrahan minda dan penghijrahan budaya dan berupaya membangunkan angkatan ummah yang dinamik sekali gus meningkatkan syiar Islam.

Ya Wahhab! Ya Razak! Ya Rafiq! Ya Muiz!

19. Pada Mu Ya Allah! hamba-Mu memohon mendapat bimbingan dan petunjuk agar ummah, khususnya ummah Mu di bumi ini, melakukan penghijrahan minda daripada budaya yang memilih untuk bermusuhan kepada budaya yang memilih untuk berkawan, daripada budaya yang

cenderung bersengketa kepada budaya yang cenderung berdamai; daripada budaya ber dendam kepada budaya bermaaf-maafan; daripada budaya menabur janji kepada budaya mengotakan kata; daripada budaya mencari kelemahan kepada budaya menggabungkan kekuatan; daripada budaya menyemarakkan fitnah kepada budaya menegakkan kebenaran; daripada budaya berjiwa kecil kepada budaya berjiwa besar; daripada ummah yang bersifat munafik kepada ummah yang bertakwa; agar ummah di bumi ini, menjadi ummah yang dihormati lagi disegani sesama manusia, dan dipandang mulia di sisi Mu.

20. Di atas bahu hamba-Mu ini telah Engkau amanahkan tanggungjawab berat mengimamkan badan syura ini. Kepada Mu juga, hamba-Mu memohon dikurniakan hidayah agar dapat membantu hamba-Mu menyempurnakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Kurniai hamba-Mu dengan ulama dan umara yang memiliki iman yang jitu, pegangan tauhid yang kukuh, berani menegakkan kebenaran – tegas melaksanakan keadilan. Limpahi rahmat Mu kepada negara ini menjadi sebuah negara gemilang seperti yang terkandung dalam ayat 15, surah Saba,

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Ya Allah yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih, Pemilik Arasy yang terpuji, Tuhan penguasa langit dan bumi, kepada Mu kami berserah, tunjukkan kami jalan yang lurus, ia itu jalan orang yang Engkau kurniai nikmat kepada mereka.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

ANUGERAH KHAS DAN ANUGERAH IKON ASNAF

IPOH, 7 Julai 2024 - Sekalung tahniah diucapkan kepada Cik Fifi Nurfatin binti Marjaidi Hirwan, penerima Anugerah Khas sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Negeri Perak 1446H/2024M di Hotel Casuarina. Cik Fifi Nurfatin pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah merupakan Orang Asli di Perak yang meraih semua A dalam sembilan mata pelajaran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2023.

Selain itu, Puan Rabunah binti Abdul Basir usahawan juruterapi urutan MAIPk menerima Anugerah Ikon Asnaf. Majlis penyampaian anugerah ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN MAJLIS SANTUNAN JASA PEKHIDMAT BERSARA**

IPOH, 19 Julai 2024 - Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MAIPk tahun 2023 dan Majlis Santunan Jasa Pekhidmat Bersara telah diadakan bagi meraikan seramai 30 orang pekhidmat APC serta 4 orang pekhidmat bersara. Majlis ini disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini. Pada tahun ini juga buat julung kalinya diwujudkan kategori baharu iaitu Anugerah Khidmat Cemerlang Berkumpulan yang diungguli oleh Sub-Unit Pembangunan Ekonomi, Bahagian Agihan Zakat. Warga MAIPk mengucapkan tahniah kepada semua penerima APC serta mengucapkan ribuan terima kasih kepada pekhidmat bersara yang telah banyak menabur jasa dan bakti kepada MAIPk. Semoga ikatan ukhuwah yang sedia terjalin akan terus berkekalan selamanya.





PERCAMBAHAN MINDA YANG DIPERTUA MAIPK BERSAMA PEGUAM SYARIE NEGERI PERAK

IPOH, 24 Mei 2024 - Sesi Percambahan Minda Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini bersama peguam syarie negeri Perak buat julung kalinya diadakan di Kompleks Islam Darul Ridzuan. Program bertujuan memberikan peluang kepada peguam-peguam syarie mendengar gagasan yang disampaikan oleh Yang Dipertua MAIPK di samping menjadi platform kepada peguam-peguam syarie berkongsi pandangan serta mencadangkan sebarang penambahbaikan dalam memperkasakan institusi keadilan dan kepeguaman syarie di negeri Perak.

Turut hadir, YAA Dato' Haji Ab. Rahman Thobroni bin Haji Mohd Mansor, Ketua Hakim Syarie, Tuan Syamsul Hazeman bin Md. Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Mohd Asri bin Mohamad Ghazali, Ketua Pendakwa Syarie, SF Tuan Haji Saiful Azizi bin Abdul Manap, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JAIK dan YA Tuan Muhammad Fauzi bin Uzir Abd Wahab, Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak.



PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-229 BIL. 3/2024



IPOH, 25 Julai 2024 - Persidangan MAIPK Kali Ke-229 bil. 3/2024 telah diadakan di Kompleks Islam Darul Ridzuan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini. Turut hadir, Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin, YBhg. Mufti Negeri Perak, SS Dato' Seri Haji Wan Zahidi bin Wan Teh dan barisan anggota MAIPK yang dilantik.



PERSIDANGAN MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN KALI KE-2 BIL. 1/2024

IPOH, 25 Mei 2024 - Persidangan Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak (MPM) diadakan buat kali kedua di Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Persidangan membincang usul-usul dan kaedah baharu meningkatkan pengimarah masjid-masjid di Perak yang dikemukakan oleh Ahli MPM. Persidangan dipengerusikan oleh YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, Yang Dipertua MAIPK. Hadir sama YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak, YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Seri Haji Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razali, Orang Besar Jajahan Larut, Matang dan Selama, YBhg. Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan, Orang Besar Jajahan Kinta, YDH Toh Maharaja Indera Dr. Hj. Khairil Anuar bin Arshad, Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar, Dato' Seri Haji Wan Zahidi bin Wan Teh, Mufti Negeri Perak, Tuan Syamsul Hazeman bin Md. Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK dan SS Tuan Haji Hariith Fadzilah bin Haji Abdul Halim, Pengarah JAIK.





Edisi 2 | 2024 | Bilangan 48

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN



IPOH, 26 Jun 2024 - Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad menunaikan zakat perniagaan kepada MAIPK berjumlah RM27,858.11 bagi tahun kewangan 2023.

Penyerahan zakat disempurnakan oleh Tuan Hj. Abu Bakar bin Rose, Bendahari Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad kepada Encik Ahmad Nazim bin Md Tajuri, Pengurus Besar Bahagian Pemasaran MAIPK.

PENGKALAN HULU, 4 Julai 2024 - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengkalan Hulu telah menunaikan zakat perniagaan kepada MAIPK berjumlah RM11,437.60 bagi tahun berakhir kewangan berakhir 2023 di Dewan Bandaran, Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

Penyerahan zakat disempurnakan oleh Encik Solahuddin bin Mahmud, selaku Pengerusi AJP PPK Pengkalan Hulu kepada Ustaz Isa bin Deris selaku amil profesional Daerah Pengkalan Hulu dan disaksikan oleh Pegawai Baitulmal Daerah Pengkalan Hulu, Encik Shamsul Anuar bin Zakaria. Turut hadir, Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad.



PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI RUMAH BACA ROYAL BELUM



GERIK 19 Jun 2024 - MAIPk sentiasa prihatin terhadap pendidikan komuniti Orang Asli. Minat belajar di kalangan anak-anak Orang Asli perlulah bermula di awal usia. Pendedahan dan keseronokan belajar perlu diterapkan dalam jiwa mereka seperti mana yang diberikan kepada anak-anak di luar sana sejak pra-sekolah.

MAIPk dengan kerjasama Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPK) telah mewujudkan tiga buah Rumah Baca masing-masing di Kg. Sungai Kejar, Kg. Tan Hain dan Kg. Klewang. Projek Rumah Baca adalah mini sekolah berkonsepkan pra-sekolah memberi pendedahan awal dan kemudahan tempat belajar di peringkat pendidikan awal kanak-kanak. Dana zakat diberikan sebagai dana permulaan projek dan diikuti dengan teriman sumbangan daripada pendana-pendana lain daripada dalam dan luar negara.

Dana zakat yang disumbangkan dapat menyediakan kursus pengajaran kepada tenaga pengajar di kalangan penduduk tempatan, perabot, saguhati pengajar dan penyelenggaraan Rumah Baca. Selain kerjasama pendana, peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti RIMAU dan Amanah Lestati Alam (ALAM) memainkan peranan penting bagi memastikan kelestarian dan manfaat Rumah Baca kepada komuniti Orang Asli terutamanya kaum Jahai di Royal Belum, Perak.

Lawatan kerja ke Rumah Baca Royal Belum oleh Jawatankuasa Program Pendidikan Komuniti Orang Asli Islam, MAIPk diketuai YBhg Dato' Mohamad Fauzi bin Mahson selaku pengerusi jawatankuasa telah diadakan pada 19 Jun 2024. Objektif lawatan ini sebagai tanda sokongan terhadap semangat anak-anak, guru-guru dan ibu bapa. Kesempatan ini juga digunakan oleh jawatankuasa untuk meneliti keperluan fasiliti bagi pengembangan program pendidikan asas dapat dibangunkan dengan sebaiknya.





Edisi 2 | 2024 | Bilangan 48

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

HIJRAH ASNAF KE MENARA GADING (HIASMEGA)



IPOH, 14 Mei 2024 - MAIPk menganjurkan Program Hijrah Asnaf ke Menara Gading (HiAsMeGa) pada 13 dan 14 Mei 2024 bertempat di Hotel Seri Malaysia. Program ini dihadiri oleh 120 orang pelajar SPM tahun 2023 terdiri daripada penerima Bantuan Biasiswa MAIPk.

Pengisian program pada hari pertama ialah 'Di mana saya, ke mana saya' yang disampaikan oleh Puan Norfazilah binti Bawadi, Pengurus Unit Pembangunan Asnaf, MAIPk dan diteruskan oleh Ustaz Mohamad Ukasyah bin Azhari yang menekankan berkaitan memperbaiki prestasi serta kualiti solat dengan slot tazkirah maghrib, subuh dan slot khas 'Kalau Tak Sembahyang Apa Gunanya'.

Pada hari kedua, slot bertajuk 'Hala tuju dan Peluang Pengajian Selepas SPM' oleh Puan Norhafiza binti Zanaida Bidin, Kaunselor yang menjelaskan dengan terperinci berkaitan pilihan-pilihan yang tersedia berdasarkan keputusan SPM. Al Fadhl Ustaz Che Amran bin Mohd Yusoff yang dikenali sebagai Ustaz Amran Bollywood menarik perhatian pelajar dalam slot motivasi yang disampaikan iaitu 'Jati diri membentuk masa depan'.

Slot taklimat penajaan dan program pengajian Institusi Pengajian Tinggi (IPT) disampaikan oleh pegawai-pegawai daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Universiti Kuala Lumpur RCMP (UnikL RCMP).

Majlis penutup disempurnakan oleh Yang Berbahagia, Toh Maharaja Indera Dr. Haji Khairil Anuar bin Arshad, Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Zakat dan Wakaf. Turut hadir semasa program tersebut Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar.





MAIPK SALUR BANTUAN RM520,500.00 KEPADA PELAJAR ASNAF CEMERLANG

IPOH, 10 Ogos 2024 - MAIPK menganjurkan Majlis Anugerah dan Motivasi Kecemerlangan kepada pelajar tajaan MAIPK di bawah skim biasiswa pelajaran baitulmal di Hotel Impiana, Ipoh. Bagi memastikan setiap pelajar mendapat akses kepada alat pembelajaran yang moden dan berkualiti, seramai 55 orang pelajar asnaf tajaan MAIPK cemerlang dalam peperiksaan SPM 2023 dengan pencapaian 8A ke atas telah diberikan bantuan komputer riba dengan nilai berjumlah RM137,500.00.

Pada majlis ini, MAIPK turut menyerahkan bantuan skim biasiswa pelajaran baitulmal kepada 383 orang pelajar asnaf tajaan baharu tahun 2024 melalui dana zakat berjumlah RM383,000.00. Majlis penyampaian disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh diiringi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK (Pembangunan), Wan Maizura binti Wan Zahari kepada semua 438 orang pelajar asnaf tajaan biasiswa MAIPK keseluruhan berjumlah RM520,500.00. Pada majlis tersebut Timbalan Mufti Perak, YBhg. Dato' Zamri bin Hashim turut hadir menyampaikan ceramah motivasi bertajuk "kejayaan dan kebahagiaan" kepada para pelajar.



SKIM BANTUAN KEBAJIKAN SISWA IPT BERJUMLAH RM360,000.00

IPOH, 7 Ogos 2024 - MAIPK mewujudkan Skim Bantuan Kebajikan Siswa IPT untuk membantu golongan pelajar asnaf fakir miskin dan B40 yang terkesan akibat peningkatan kos sara hidup. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh telah menyerahkan bantuan berkenaan berjumlah RM360,000.00 kepada lapan institusi pendidikan di negeri Perak di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan Ipoh.

Lapan institusi pendidikan yang menyumbang kepada pungutan zakat dan mempunyai Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat menerima manfaat skim ini iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi MARA Seri Iskandar, Universiti Teknologi MARA Tapah, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Azlan Shah, Universiti Sultan Azlan Shah, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Kuala Lumpur RCMP. MAIPK komited menjalinkan kerjasama strategik menerusi skim-skim bantuan yang disediakan demi membantu meringankan beban asnaf bagi menjamin kesejahteraan ummah.



MAIPK PERUNTUK RM2 JUTA PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI ASNAF (PROPER A)

IPOH, 16 Ogos 2024 - MAIPK menganjurkan majlis minum petang bagi meraikan dan menyampaikan sijil tamat kursus kepada peserta PROPER A tahun 2022 dan 2023. Sebanyak RM2 juta setiap tahun disediakan bagi menaja PROPER A dibawah peruntukkan asnaf fakir dan miskin.

Peruntukan merangkumi kos latihan, kursus berfasa, pembekalan peralatan, pemantauan dan pelaporan berkala setiap usahawan asnaf selama tempoh enam hingga lapan bulan. Seramai 161 orang peserta terdiri dari usahawan asnaf telah menyertai PROPER A pada tahun 2022 dan 2023.

Kursus keusahawanan yang ditawarkan pada tahun 2022 ialah pemasaran produk, pelabelan dan pembungkusan, perbidanan, refleksologi dan urutan disertai seramai 60 orang peserta. Bagi tahun 2023 pula, kursus ditawarkan ialah kursus pembuatan pusara dan batu nisan, ternakan ayam kampung, asas cendawan tiram, kulineri dan pastri, perbidanan serta refleksologi dan urutan disertai seramai 101 orang peserta.

Selain itu, MAIPK turut menyediakan beberapa kemudahan kepada peserta usahawan asnaf yang telah tamat kursus seperti ruang perniagaan usahawan asnaf di Anjung Usahawan MAIPK, Angsana Mall, Ipoh bagi mempromosi dan memasarkan produk dan perkhidmatan yang disediakan. Aplikasi zakat Perak juga digunakan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan asnaf ke peringkat lebih tinggi.

Majlis penyampaian sijil tamat kursus disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh kepada 161 orang peserta. MAIPK menyediakan pelbagai siri program yang dinamik, mampu memupuk bakat dan keupayaan asnaf sehingga berupaya meningkatkan kebolehan, kemahiran dan produktiviti masing-masing seterusnya menjadi usahawan berilmu, mampu berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing.

PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI DAN INSAN

PROJEK TERNAKAN AYAM KAMPUNG

KG.GAJAH, 15 Mei 2024 - 10 orang peserta program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) MAIPK di sekitar Kg. Gajah, Seri Iskandar dan Manjung menjalankan aktiviti ternakan ayam kampung.



KURSUS LESEN MEMANDU VOKASIONAL

IPOH, 22 Julai 2024 - MAIPK menaja 155 orang asnaf mengikuti lesen memandu di bawah kelas GDL / PSV.



KURSUS REFLEKSOLOGI & URUTAN

IPOH, 26 Julai 2024 - Kursus refleksologi dan urutan kepada 30 orang peserta asnaf di seluruh negeri Perak mengikuti kursus mentor mentee selama 6 bulan.



KURSUS TERNAKAN LEBAH KELULUT

GERIK, 27 Julai 2024 - Kursus ternakan lebah kelulut PROPER A kepada 15 orang peserta asnaf di sekitar daerah Hulu Perak terpilih mengikuti kursus mentor mentee selama 6 bulan.





PROGRAM ZIARAH ASNAF DI TAIPING

21 Mei 2024 - Program ziarah asnaf dan menyantuni lima buah keluarga asnaf dipimpin oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh bersama Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama, YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Dato' Seri Haji Wan Mohd. Isa bin Dato' Haji Wan Mohd. Razalli. Sebanyak RM191,162.76 dana zakat telah diagihkan melibatkan dua buah kediaman berjumlah RM116,500 di bawah skim bantuan bina rumah dan baik pulih rumah, bantuan perubatan berjumlah RM56,162.76 untuk membeli lampin pakai buang, susu khas, pembekalan ubat ribociclib succinate kepada pesakit kanser serta bantuan modal sampan dan enjin berjumlah RM18,500.

Turut menyertai, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, Anggota MAJLIS, Encik Muhammad Puhaz bin Saleh, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Besar Bahagian Perhubungan Korporat, Encik Mohd Saufi bin Ibrahim, Penghulu Besar Negeri Perak, Dr. Mohd Sani bin Kamaruddin, Pegawai Baitulmal Daerah Taiping, Encik Zulfadli bin Baharum, petugas zakat di ibu pejabat dan daerah.



PROGRAM ZIARAH ASNAF DI KAMPONG GAJAH

16 Julai 2024 - Program ziarah asnaf menyantuni tujuh keluarga asnaf di sekitar Kampung Gajah dipimpin oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh. Turut serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari dan Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar.

Ziarah asnaf merupakan inisiatif MAIPK bagi memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya dan kehidupan mereka dipantau setelah menerima bantuan. Lebih RM300 ribu dana zakat diagihkan melibatkan skim bina dan baik pulih rumah, kewangan bulanan, modal perniagaan, perubatan dan pendidikan.



PROGRAM SANTAI PAGI & ZIARAH PESAKIT KANSER



KG. GAJAH, 17 Ogos 2024 - Program Kembara Dakwah Zakat anjuran MAIPk diteruskan lagi dengan menziarahi dua pesakit kanser dan penyerahan bantuan modal perniagaan. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh bersama penceramah bebas, Ustaz Hanafiah bin Abd Malek menyerahkan bantuan modal perniagaan kepada Puan Norseha di gerai roti canai asnaf dan Encik Azhar bin Norbek.

MAIPk turut menyerahkan bantuan berbentuk tunai serta kotak makanan kepada pesakit kanser. Seramai 30 orang Team Bikers merasai pengalaman turun padang di lapangan bagi melihat realiti kehidupan para asnaf. Mereka juga dibawa melawat Pusat Ternakan Ayam Kampung di Dusun Saraa Enterprise, Bota Kiri.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PROJEK PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF SURAU AL ABIDIN, SMK RUNGKUP



BAGAN DATUK, 9 Julai 2024 - MAIPk Daerah Bagan Datuk menganjurkan Majlis Penyerahan Sumbangan Projek Pembaikan dan Naik Taraf Surau Al Abidin, SMK Rungkup serta ziarah asnaf penerima bantuan MAIPk Daerah Bagan Datuk.

Sumbangan berjumlah RM30,000.00 telah disampaikan oleh Orang Besar Jajahan Bagan Datuk, YDH. Toh Seri Lela Paduka Dato' Dr. Khalid bin Ismail diiringi oleh Timbalan Mufi Negeri Perak, Dato' Haji Zamri bin Hashim kepada Pengetua SMK Rungkup. Program diteruskan lagi dengan menziarahi dan menyampaikan bantuan sekali gus sebanyak RM500.00 kepada dua buah keluarga asnaf di sekitar Bagan Datuk.



Turut hadir pada program tersebut Anggota MAJLIS, Encik Muhammad Puhaz bin Saleh, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar, Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Encik Noraizad bin Rosli, Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Datuk, Encik Mohd Faizul Nizam bin Mohd Nasir, serta petugas zakat di ibu pejabat dan daerah.

ASNAF TERIMA AGIHAN KOTAK MAKANAN DAN IKAN PERCUMA

MAIPK menganjurkan program agihan kotak makanan dan ikan percuma kepada 200 orang asnaf, melibatkan dana zakat sehingga RM20,000 di daerah-daerah terpilih.

GERIK

1 Jun 2024 - Anjuran MAIPK dengan kerjasama AJK Masjid Nurussalam. Program dimeriahkan dengan penyertaan team refleksiologi dan urutan PROPER A yang membuka kaunter perkhidmatan mereka sepanjang jualan berlangsung.



KAMPAR

8 Jun 2024 - Anjuran MAIPK dengan kerjasama AJK Masjid An Nur. Turut hadir memberi sokongan Orang Besar Jajahan Kampar YDH. Toh Sedewa Raja Dato' Abdul Talib bin Abd. Fahmi dan Pegawai Daerah Kampar, Tuan Nazrul Fazami bin Mohamad.



SERI ISKANDAR

29 Jun 2024 - Anjuran MAIPK dengan kerjasama AJK Masjid Bandar Universiti Seri Iskandar. Program dimeriahkan dengan penyertaan kaunter Tabung Haji, jualan daging segar, jualan buku, kaunter khidmat perlupusan Al Quran, pemeriksaan kesihatan percuma, kaunter zakat dan wakaf serta gerai jualan makanan dan minuman. Turut berlangsung penyerahan barangan berupa bantuan modal kepada pengusaha kabin gunting rambut di Masjid Bandar Universiti yang diusahakan dalam kalangan asnaf MAIPK.



MAJLIS TAMAT LATIHAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL KEPADA PESERTA KURSUS REFLEKSOLOGI & URUTAN

IPOH, 9 Mei 2024 - Seramai 30 orang peserta kursus Refleksologi & Urutan lelaki dan wanita tajaan MAIPK di bawah penyedia latihan Humaira Training Centre telah berjaya menamatkan latihan. Kursus Refleksologi & Urutan PROPER A bermula pada Julai 2023 merangkumi kursus berfasa, pembekalan peralatan disusuli proses pemantauan selama empat bulan oleh syarikat penyedia latihan. Majlis disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh. Turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari dan Puan Su Harisun binti Kassim dari Humaira Training Centre.



SEMINAR MOTIVASI DAN HALATUJU USAHAWAN MAIPK

IPOH, 20 Jun 2024 - MAIPK menganjurkan Seminar Motivasi dan Halatuju Usahawan MAIPK siri 1/2024 bertujuan meyampaikan input baharu bidang perniagaan seperti perlindungan perniagaan, pengurusan kewangan, percukaian dan pembayaran zakat. Selain itu, membantu usahawan menetapkan halatuju meningkatkan motivasi usahawan agar bersedia menjadi usahawan IKS yang berdaya saing dalam pasaran.

Seramai 50 peserta usahawan asnaf MAIPK telah melalui program PROPER A pada tahun 2023 menghadiri seminar ini yang terdiri daripada kalangan usahawan program kulinari, pastri, refleksologi, urutan, perbidanan, tanaman cendawan tiram, ternakan ayam kampung, pembuatan pusara serta batu nisan.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan MAIPK. Turut hadir, Pengurus Bahagian Agihan Zakat MAIPK, Encik Noraizad bin Rosli dan Pengurus Bahagian Perhubungan Korporat MAIPK, Encik Muhammad Naquib bin Mohamd Tarmizi.



KURSUS FORENSIK PERNIAGAAN ASNAF



IPOH, 27 Jun 2024 - MAIPK menganjurkan Kursus Forensik Perniagaan di Hotel Travelodge, Ipoh melibatkan 25 orang peserta dalam kalangan asnaf yang sudah mula berniaga secara kecil-kecilan. Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS), Selangor telah diberi kepercayaan untuk membimbing semua peserta dengan pelbagai teknik berkesan untuk meningkatkan hasil jualan melalui pelbagai platform marketing.

Selain itu, peserta didedahkan dengan SWOT Analisis, Business Model Canvas, pengurusan kewangan serta ayat-ayat copy writing yang berkesan untuk menarik minat pelanggan membeli.

Majlis penutup disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar. Turut hadir, Encik Hasnul Reza bin Abdul Rahim, Pengurus Besar TERAS dan Pengurus Bahagian Agihan Zakat MAIPK, Encik Noraizad bin Rosli.



PROGRAM PROMOSI ANJUNG USAHAWAN MAIPK



IPOH, 18 Ogos 2024 - Acara kemuncak sempena Program Kembara Dakwah Zakat anjuran MAIPK bersama Ustaz Hanafiah Abd Malek ialah mempromosikan Anjung Usahawan MAIPK di Angsana Mall Ipoh.

Pelbagai produk makanan milik usahawan di bawah jenama PROPER A dijual dan terdapat perkhidmatan urutan badan dan rawatan muka serta urutan & refleksologi.

Turut hadir pada hari ini Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Hj. Omar dan Pengarah Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), Encik Mohamad Rozlan bin Mohamad Razalli.





Edisi 2 | 2024 | Bilangan 48

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

MAIPK TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PELBAGAI PIHAK

MAYBANK ISLAMIC BERHAD

IPOH, 8 Mei 2024 - Kunjungan hormat delegasi Maybank Islamic Berhad (MIB) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MIB, Dato' Muzaffar bin Hisham kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh, selanjutnya perbincangan jalinan kerjasama strategik antara MAIPK dan MIB. MAIPK dan MIB sedang meneroka peluang-peluang baru dalam konteks zakat dan wakaf yang boleh memberi pelbagai impak positif demi memelihara kemaslahatan ummah.



ARKIB NEGARA MALAYSIA

IPOH, 27 Jun 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat delegasi dari Arkib Negara Malaysia (ANM) yang diketuai oleh Ketua Pengarah ANM, Dato' Jaafar Sidek bin Haji Abdul Rahman. Kunjungan hormat ini turut membincangkan peluang kerjasama strategik antara MAIPK dan ANM.



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK

IPOH, 12 Julai 2024 - Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini menerima kunjungan hormat dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri Perak yang diketuai oleh Pengarah JBPM Perak YS PKPjB Sayani binti Haji Saidon.



JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI PERAK

IPOH, 12 Julai 2024 - Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini menerima kunjungan hormat dari Jabatan Pendakwaan Syariah negeri Perak yang diketuai oleh Ketua Pendakwa Syarie, Tuan Mohd Asri bin Mohamad Ghazali.



MAIPK TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PELBAGAI PIHAK

MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION SDN BHD

IPOH, 14 Ogos 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd diketuai Naib President 1, Encik Idjarmizuan Ibrahim.



PANGLIMA BRIGED KEDUA INFANTRI MALAYSIA

IPOH, 14 Ogos 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat Panglima Briged Kedua Infantri Malaysia iaitu Briged Jeneral Dato' Pahlawan Asri bin Shukor bersama Lt Kol Risal bin Osman-SO2 Agama dan Kapt Mohamad Helmi bin Abdullah-SO3 Gerak.



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

IPOH, 22 Ogos 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat delegasi dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha (Operasi), Dato' Haji Norazmi bin Haji Musa. Dalam kunjungan hormat ini, antara perkara yang dibincangkan adalah perkongsian maklumat daripada MAIPK dan MAINS berkaitan pengurusan zakat, wakaf dan mal.



MAJLIS AGAMA ISLAM JOHOR

IPOH, 30 Ogos 2024 - MAIPK diwakili oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Hj. Omar menerima kunjungan hormat delegasi dari Majlis Agama Islam Negeri Johor yang diketuai oleh Amin Baitulmal Daerah Johor Bahru, Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid.





Edisi 2 | 2024 | Bilangan 48

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

LAWATAN KERJA MAIPK KE MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU RESAM PAHANG (MUIP)



PAHANG, 4 Jun 2024 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh bersama Toh Maharaja Indera Dr. Haji Khairil Anuar bin Arshad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Zakat dan Wakaf (JPZW), ahli-ahli JPZW dan pegawai-pegawai MAIPK telah mengadakan lawatan kerja ke MUIP. Pada sesi lawatan tersebut,

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MUIP Holdings Sdn. Bhd, Tuan Haji Ahmad Mustaqim bin Haji Mohd Zain telah menyampaikan taklimat ringkas berkaitan pentadbiran dan pengurusan kumpulan anak syarikat terutamanya dalam bahagian peruncitan.



LAWATAN KERJA MAIPK KE TANAMAN NANAS

PAHANG, 4 Jun 2024 - MAIPK bersama Toh Maharaja Indera Dr. Haji Khairil Anuar bin Arshad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Zakat dan Wakaf (JPZW) serta ahli-ahli JPZW mengadakan lawatan tapak tanaman nanas di Lanchang di bawah Projek Khas Gedung Makanan Negara Felda. Syarikat Aqina Jaya Sdn. Bhd. yang menguruskan projek ini telah berkongsi ilmu, teknologi dan kepakaran mengenai penanaman nanas MD2 secara komersial.



LAWATAN KERJA MAIPK KE SMAR ORANG ASLI NURUL HIDAYAH, KG. KENANG

SUNGAI SIPUT, 20 Jun 2024 - Jawatankuasa Program Pendidikan Komuniti Orang Asli Islam (JPPKOAI), MAIPK telah berkunjung ke SMAR Orang Asli Nurul Hidayah yang merupakan satu-satunya sekolah menengah agama berasrama khusus untuk pelajar Orang Asli yang mendapat bantuan penuh MAIPK menggunakan dana zakat. Delegasi lawatan diketuai oleh YBhg. Dato' Mohammad Fauzi bin Mahson,

Pengerusi JPPKOAI bersama ahli-ahli jawatankuasa. Turut hadir, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK dan Toh Maharaja Indera Dr. Haji Khairil Anuar bin Arshad, Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar.



LAWATAN KERJA MAIPK KE ARKIB NEGARA MALAYSIA

IPOH, 21 Ogos 2024 - MAIPK telah berkunjung ke Arkib Negara Malaysia untuk mendapatkan pendedahan dan khidmat kepakaran dalam pendokumentasian dan pemuliharaan serta pendigitalan bahan untuk Perpustakaan Penyelidikan MAIPK.



